

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

KHAMIS, 11 JUN 2020

## Nasional

Penularan COVID-19

# Jumlah kes positif paling rendah

Dua mangsa jangkitan baharu babit kes import serta bukan warganegara

Oleh Rafidah Mat Rizki dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes positif baharu COVID-19 semalam adalah paling rendah dicatatkan negara sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan hanya dua kes dan tiada penularan dalam negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dua kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 8,338 dengan kes kebellehjangkitan COVID-19 adalah 1,206 kes.

"Daripada dua kes baharu yang dilaporkan itu, satu adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Satu lagi kes yang dicatatkan membabitkan bukan warganegara di mana kes ini dilaporkan di Kuching, Sarawak iaitu kes saringan kepada kontak rapat kes 8,303," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan terkini COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan jumlah pulih pula adalah 39 kes, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 7,014 kes bersamaan 84.1 peratus.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat satu lagi kes kematian direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan 118 kematian atau 1.42 peratus.

Beliau berkata, kes kematian ke-118 membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 61 tahun.

"Mangsa mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan buah pinggang. Beliau mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Sri Petaling.

"Beliau dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 15 Mac lalu dan disahkan meninggal dunia jam 7 pagi tadi (semalam)," katanya.

Selain itu, sebanyak lima kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Pada sidang media itu, Dr Noor Hisham turut menyentuh peningkatan kes kemalangan jalan raya sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) jika dibandingkan semasa penguatkuasaan PKP.


Katanya, mengikut perangkaan dan statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes kemalangan jalan raya ketika PKP Fasa Satu dari 18 hingga 31 Mac ialah 5,498 kes dengan 58 kematian.

"Ini bermakna, kadar kemalangan seharian ialah 392.7 kemalangan sehari. Jika dibandingkan, kes kemalangan naik mendadak kepada 738 kemalangan sehari semasa PKPB mula berkuat kuasa pada 4 Mei.

"Data PDRM juga menunjukkan dari tempoh 5 hingga 12 Mei lalu, jumlah kemalangan jalan raya ialah 5,904 kes dengan 68 kematian, dan dari 13 Mei sehingga 9 Jun pula sebanyak 25,251 kes kemalangan direkodkan dengan 231 kematian iaitu 738 kemalangan sehari," katanya.



BH TV



## Sebak umum persaraan 'panglima perang'

**Putrajaya:** Kelegaan selepas hanya dua kes jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan semalam, berubah sebak apabila Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, mengumumkan persaraan seorang daripada 'panglima perangnya'.

Saban hari, setiap kali memulakan sidang medianya, Dr Noor Hisham akan sentiasa memperkenalkan nama Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan) Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Rohaizat Yon serta barisan 'panglima' lain sebelum membacakan laporan kes harian.

Petugas media dan kakitangan KKM turut terkesan dan merasai kesedihan Dr Noor Hisham apabila suaranya bertukar sebak ketika menyampaikan penghargaan kepada Dr Rohaizat.

"Dengan berat hati, saya ingin memaklumkan, hari ini (semalam) adalah hari terakhir seorang panglima perang saya iaitu Datuk Dr Rohaizat Yon, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan).

"Selepas berkhidmat selama 35 tahun 10 hari, beliau bersama-

ma mengharungi dan memerangi COVID-19 telah bersara wajib.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr Rohaizat atas komitmen yang tinggi sepanjang perkhidmatan beliau kepada rakyat Malaysia," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Bagi Dr Rohaizat, bulan-bulan terakhir sebelum menamatkan perkhidmatan dengan KKM semalam, disifatkannya sebagai pengalaman paling sukar bersama-sama ketuanya dan seluruh warga Kementerian berdepan dengan jangkitan wabak COVID-19 sejak Disember tahun lalu.

Beliau berkata, jawatan terakhirnya dengan KKM memerlukan beliau memastikan setiap hospital KKM di seluruh negara mempunyai kelengkapan mencukupi, termasuk mesin alat bantuan pernafasan, katil dan ubatan.

"Saya bertanggungjawab terhadap hospital, peralatan termasuk katil dan alat bantuan pernafasan serta ubat. Pernah satu ketika pada awal jangkitan kita hanya ada bekalan N95 untuk sehari,

manakala ada hospital kehabisan peralatan.

"Bayangkan kakitangan KKM terpaksa ke medan perang tanpa senjata. Kita dapat mengharunginya dengan baik dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi saya, kita bernasib baik kerana lambat dilanda jangkitan wabak ini iaitu selepas China dan Singapura kerana kita dapat bersedia," katanya.

Ditanya apa yang akan dilakukan selepas bersara, anak kelahiran Parit Sulong, Johor itu mahu berehat seketika sebelum memikirkan perancangan seterusnya.

"Mungkin selepas ini kalau saya bermimpi, saya akan bermimpi indah, bukan lagi mimpi COVID-19," katanya.

Dr Rohaizat yang dilahirkan pada 11 Jun 1960, adalah graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1985 dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam Perancangan Kesihatan daripada University of New South Wales pada 1991 sebelum ditauliahkan Doktor Falsafah dalam bidang Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# MHC gesa rakyat kekal waspada sepanjang PKPP

Pematuhan SOP penting ketika kerajaan mula buka kembali TASKA, sekolah

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menasihatkan rakyat kekal berwaspada sepanjang fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga vaksin untuk COVID-19 ditemui.

Dalam kenyataannya semalam, MHC berkata, prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif termasuk garis panduan pelaksanaan yang jelas penting ketika kerajaan mula membuka kembali pusat asuhan kanak-kanak (TASKA) dan sekolah secara berperingkat.

"Kerajaan perlu membekalkan peralatan, latihan, sumber dan ruang fizikal yang diperlukan oleh guru dan pentadbir untuk melaksanakan langkah pencegahan yang disarankan sebelum sekolah dibuka semula.

"Tempat tinggal pekerja



asing perlu segera ditambah baik bagi mencegah penularan COVID-19, selain meningkatkan keadaan di pusat tahanan dan menggubal dasar tenaga kerja jangka panjang," demikian menurut kenyataan itu.

MHC juga menggesa rakyat supaya kekal berhati-hati memandangkan larangan perjalanan rentas negeri dan pelancongan domestik sudah ditarik balik serta tidak mengambil mudah fasa pemulihan ini.

Sistem kesihatan di Malaysia

juga perlu dipersiapkan untuk terus menyediakan jagaan COVID-19 sambil mengimbangi rutin jagaan bukan COVID-19 sehingga vaksin ditemui.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata rakyat kini adalah 'petugas barisan hadapan' dalam usaha membendung jangkitan COVID-19 apabila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang memberi banyak kelonggaran dilaksanakan bermula semalam.

Katanya, perancangan pergerakan itu penting ketika melakukan aktiviti luar rumah termasuk ketika pulang ke kampung, dengan mengamalkan kebiasaan baharu bagi mengelak jangkitan.

"Kementerian berharap setiap zon hijau COVID-19 akan kekal walaupun dengan pelaksanaan PKPP.

"Dalam keterujaan ramai nak balik kampung dan melakukan aktiviti luar, kita minta orang ramai rancang pergerakan masing-masing. Kita bimbang jangkitan berlaku, syukur sudah 14 hari berlalu, kluster raya (Aidilfitri) tidak berlaku setakat ini.

"Rakyat perlu membudayakan normal baharu, patuh prosedur operasi standard (SOP), jangan berkumpul di tempat awam, muat turun MySejahtera kerana banyak banyak kegunaannya," katanya menerusi perbualan telefon dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM), Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Dr Adham berkata, kementerian berbangga apabila dalam tempoh 88 hari sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP) dilaksanakan, ia dapat meratakan lengkungan jangkitan COVID-19, khususnya jangkitan tempatan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6A

RUANGAN : LOKAL

6A [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) @hmetromy [HarianMetro](https://www.facebook.com/HarianMetro) @hmetromyKhamis 11.06.2020 | **Harian Metro****lokal**

**Putrajaya:** Jumlah kemalangan dijangka meningkat mendadak susulan pertambahan kenderaan sebagai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bukan sekadar kehilangan nyawa dan kecederaan, kemalangan juga boleh mendatangkan implikasi negatif kepada perkhidmatan di hospital.

Menurutnya, kemalangan akan menyebabkan peningkatan kadar kematian, pe-

**Jumlah kemalangan dijangka naik mendadak**

ningkatan penggunaan fasiliti kesihatan untuk rawatan seperti kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, antara tempoh 13 Mei 2020 sehingga kelmarin, sebanyak 25,251 kes kemalangan direkodkan.

"Ia membabitkan 231 kematian dengan purata 38

kes kemalangan sehari.

"Keadaan ini juga menyebabkan peningkatan kes pembedahan kecemasan dan separa kecemasan yang menyebabkan penggunaan katil dan Unit Rawatan Rapi (ICU) turut meningkat.

"Bekalan darah juga akan meningkat bagi merawat

mangsa kes kemalangan dan memerlukan transfusi darah," katanya dalam sidang media harian Covid-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, statistik awal bagi kemalangan atau trauma yang mendapat rawatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

menunjukkan penurunan kes trauma di antara 65 sehingga 75 peratus bagi semua negeri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP) berbanding sebelum perintah itu dikuatkuasakan.

Katanya, jumlah ini bagaimanapun menunjukkan peningkatan sebanyak 30 peratus dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) memandangkan lebih banyak kenderaan.

"KKM prihatin dan mengambil berat tentang keselamatan orang ramai terutama golongan pekerja yang semakin ramai berulang-alik ke tempat kerja susulan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan sosial.

"Peningkatan kadar ini adalah amat merisaukan memandangkan ia dijangka akan terus meningkat susulan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya," katanya.

Antara tempoh 13 Mei lalu sehingga kelmarin, 25,251 kes kemalangan direkodkan



KENDERAAN dilihat memenuhi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah utara berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai semalam.

**Kes paling rendah****Hanya dua kes dilaporkan, tidak babit rakyat Malaysia**

Oleh Shamran Sarahan, Yusmizal Dolah Aling dan Ekhwani Haque  
Fazlul Haque  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Dua hari berturut-turut jangkitan baharu Covid-19 dalam negara berkaitan kes penularan tempatan tidak membabitkan rakyat Malaysia dengan hanya dua kes dilaporkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia kes terendah pernah direkodkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu dalam negara sebanyak 8,338 kes.

Beliau berkata, daripada dua kes baharu yang dilaporkan itu, satu kes import



Pada hari ini (semalam) juga, tiada kes penularan dalam negara dicatatkan dalam kalangan warga Malaysia"

Dr Noor Hisham Abdullah

dan satu lagi kes penularan tempatan membabitkan bukan warga Malaysia.

"Sukacita dimaklumkan bahawa pada hari ini (semalam) juga, tiada kes penularan dalam negara dicatatkan dalam kalangan warga Malaysia.

"Satu kes penularan di dalam negara yang dicatatkan adalah seorang bukan warganegara yang mana kes ini dilaporkan di Kuching, Sarawak iaitu kes saringan ke-

pada kontak rapat kes 8,303," ketika sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Beliau berkata, jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada jangkitan Covid-19 dalam negara juga meningkat kepada 7,014 kes, iaitu 84.1 peratus daripada keseluruhan kes, hari ini.

Menurutnya, ia susulan pertambahan 29 lagi kes pulih dan dibenarkan discaj daripada fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

selain melebihi bilangan kes baharu dilaporkan.

"Keseluruhannya, jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan Covid-19 adalah 1,206 kes.

"Seramai lima pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), tiada daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, satu kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat jam 12 tengah hari, semalam.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • KHAMIS 11 JUN 2020

Laporan TUAN BUQHAIIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN dan RAIHAM MOHD SANUSI

MEMERANGI WABAK COVID-19



# Hanya dua kes baharu dilaporkan

Malaysia sekali lagi merekodkan kes baharu positif Covid-19 terendah sejak pelaksanaan PKP



DR NOOR HISHAM

PUTRAJAYA

Malaysia sekali lagi merekodkan kes baharu positif koronavirus (Covid-19) terendah sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan hanya dua kes dikesan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kedua-dua kes tersebut melibatkan satu kes import di Johor dan kes warga asing di Kuching, Sarawak.

"Sukacita dimaklumkan bahawa pada hari ini (semalam) juga, tiada kes penularan dalam negara dicatatkan dalam kalangan rakyat," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, jumlah kes positif Covid-19 di negara ini adalah sebanyak

berkata, kes kematian terbaharu itu melibatkan warga emas berumur 61 tahun yang pernah hadir ke Perhimpunan Sri Petaling.

"Dia yang mempunyai penyakit kencing manis dan buah pinggang telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 15 Mac lalu dan disahkan meninggal dunia pada jam 7.03 pagi tadi (semalam)," katanya.

Ketika ditanya mengenai adakah jumlah positif yang rendah disebabkan kurangnya aktiviti saringan dilakukan, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan saringan berterusan terutamanya kepada kumpulan sasaran.

"Kadar dan unjuran dilihat hari ini seperti yang kita telah jangka iaitu mengalami penurunan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM akan terus melakukan pemantauan di hospital dan komuniti untuk mengelakkan berlaku peningkatan kes jangkitan Covid-19 secara mendadak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula semalam hingga 31 Ogos depan.

Menurutnya, ia bagi membolehkan

kesemua sektor seperti ekonomi, sosial dan pendidikan dapat dibuka secara menyeluruh selepas ini.

"Pemantauan ini sangat penting dan kita akan teruskan. Sekarang jadi tempoh untuk kita terus perkasakan orang awam agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP).


"Sekiranya hingga 31 Ogos kita dapat lihat perkembangan positif seperti situasi sekarang, kita akan pertimbangkan untuk melonggarkan kawalan sempadan negara," katanya.

Beliau berkata, jika penularan tempatan wabak itu dapat dikawal dan semua sektor kembali dibuka secara menyeluruh dan keadaan kembali normal, pihaknya akan memberi tumpuan terhadap kawalan sempadan antarabangsa.

Katanya, kelonggaran kawalan sempadan itu akan berpandukan dua perkara iaitu indeks global Covid-19 dan perbincangan dengan negara jiran seperti Singapura, Brunei dan Thailand.

"Kelonggaran akan mengambil kira negara zon hijau atau yang telah bebas daripada wabak ini dan ia akan melibatkan persetujuan kedua-dua negara," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

IONAL • RINGKASAN HARI INI

## Mahu bermimpi indah, bukan lagi mimpi Covid-19

**PUTRAJAYA** - Dewan yang digunakan untuk sidang akhbar perkembangan terkini koronavirus (Covid-19) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini bertukar suasana apabila Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengumumkan salah seorang 'panglima perangnya' bersara wajib semalam.

Dalam nada sebak, beliau mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon.

"Hari ini (semalam) adalah hari terakhir salah seorang 'panglima perang' saya yang bersama-sama memerangi Covid-19 telah bersara wajib.

"Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Rohaizat atas komitmennya," katanya.

Sementara itu, Dr Rohaizat berkata, beliau mahu berehat seketika sebelum memikirkan perancangan seterusnya.

"Mungkin selepas ini kalau saya bermimpi, saya akan bermimpi indah, bukan lagi mimpi Covid-19," katanya.

Menurutnya, bermula pada Disember 2019, beliau bersama pasukan KKM tidak pernah berehat sebaik sahaja mengetahui mengenai pandemik Covid-19.

"Apa yang berlaku adalah pengalaman paling sukar. Saya bertanggungjawab terhadap hospital, peralatan termasuk katil dan ventilator serta ubat.

"Bayangkan pernah suatu ketika kita hanya ada bekalan N95 untuk sehari, manakala ada hospital lain yang sudah kehabisan," katanya.

Dr Rohaizat berkata, tidak dapat digambarkan suasana pada ketika itu yang turun ke medan perang tanpa senjata.

"Namun, kita dapat mengharunginya dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata beliau.



Dr Noor Hisham (barisan tengah, tiga dari kiri) dan Dr Rohaizat (barisan tengah, empat dari kiri) pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di Putrajaya semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / NATION

THURSDAY, JUNE 11, 2020 • NewStraitsTimes

## NEWS / Nation

'GREEN BUBBLE'

MALAYSIA  
LOOKING INTO  
CROSS-BORDER  
TRAVELTrips between  
green zones may  
be allowed, says  
Health D-GNURADZIMMAH DAIM  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA is now looking at the possibility of allowing cross-border travels after lifting the interstate travel ban on the first day of the Recovery Movement Control Order (RMCO).

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said several factors needed to be considered before a decision was reached.

He said one method of cross-border travel that could be adopted was the "green bubble", which allowed for travel between green-zone countries.

The approach, he said, would allow Malaysia to come into a "reciprocal" agreement between two green zones.

"Firstly, we will look at the global (Covid-19) index.

"Secondly, maybe we could start discussing this with our neighbours, like Singapore, Brunei and Thailand.

"These are countries that we could actually look into for the standard operating procedures (SOP). Most importantly, there should be an agreement between the two countries (in allowing travels between them).

"This is something that we can evaluate and monitor closely from time to time," Dr Noor Hisham said in his daily press conference here yesterday.

The Health Ministry recorded two new Covid-19 cases up to noon yesterday, the lowest figure reported since the Movement Control Order (MCO) began on March 18.

Malaysia's total number of in-

fections stood at 8,338.

The two new cases comprised one local transmission and an imported case, with the latter being a Malaysian who contracted the virus abroad.

"No new local transmission was recorded among Malaysians."

One Covid-19 death was reported yesterday, bringing the death toll to 118 (1.4 per cent).

He said the death involving Case 824 was a 61-year-old Malaysian man with a history of diabetes and kidney disease.

"He attended the gathering in Seri Petaling. He was treated at Sungai Buloh Hospital on March 15 and was pronounced dead on June 10 at 7.03am."

Dr Noor Hisham said the screening process for Covid-19 was being carried out, particularly on nine high-risk groups of people, even as the country recorded its lowest number of new daily cases.

"If we look at the (high-risk) groups that are included in this (screening) process, such as old folks' homes, we can see that there is an increase in cases and (number of) centres.

"We are carrying out screenings as usual, although we can see a decline in the rate (of positive cases among the samples we took)."


He said the ministry continued to isolate foreigners being tested for Covid-19, as well as foreigners who have had their second samples taken for testing.

"Thus, we have been able to clear the cases at the (Immigration) depots."

On a separate matter, Dr Noor Hisham said there was an increase in injuries and deaths from road accidents during the Conditional MCO compared with the first phase of MCO.

"The increase in accident rates is worrying and expected to further increase as there will be more vehicles on the road," he said, referring to people who returned to work after the reopening of economic sectors.

He said the situation led to an



People travelling to Singapore at the Johor-Singapore Causeway in Johor Baru last year. Malaysia is looking into allowing cross-border travels following the lifting of the interstate travel ban. FILE PIC

increase in the use of public health facilities and the number of patients treated at the emergency ward.

This meant there was an increase in blood transfusions needed to be done for those injured, he said.

Dr Noor Hisham said an average of 392.7 road accidents occurred daily from March 18 to 31. There were 58 deaths in that period.

However, those numbers increased drastically from May 13 to June 9 as 25,251 road accidents were recorded, with 231 deaths, which meant there was an average of 738 road crashes daily.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

8 Nation

THE STAR, THURSDAY 11 JUNE 2020

**Covid-19: Current situation globally**

(As of 7pm June 10, 2020)

	Malaysia											
	New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered					
	2		8,338		118		7,014					
Asean+	China	Singapore	Indonesia	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,046	38,965	34,316	23,732	17,210	11,902	3,125	332	246	141	126	19
Deaths	4,634	25	1,959	1,027	916	276	58	0	6	2	0	0
Recovered	78,357	25,877	12,129	4,895	15,213	10,611	2,981	317	159	138	125	19
Global Top 10	US	Brazil	Russia	UK	Spain	India	Italy	Peru	Germany	Iran		
Confirmed cases	2,045,741	742,084	493,657	289,140	289,046	276,583	235,561	203,736	186,516	175,927		
Deaths	114,151	38,497	6,358	40,883	27,136	7,745	34,043	5,738	8,831	8,425		
Recovered	788,885	325,602	252,783	N/A	N/A	135,206	168,646	92,929	170,700	138,457		

# 'Road accidents soar during CMCO'

## Health DG: There were a total of 50,531 incidents and 507 deaths since March 18

By JOSEPH KAOS Jr and FATIMAH ZAINAL  
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The conditional movement control order (MCO) period saw a sharp increase in the number of daily road accidents and deaths compared to the MCO, sparking concern from the Health Ministry.

There were 19,376 accidents and 208 deaths on the first day of the MCO on March 18 until the first day of the conditional MCO on May 4.

And from May 5 until June 9, there were 31,155 accidents and 299 deaths.

From March 18 until the last day of the conditional MCO on June 9,

there were a total of 50,531 road accidents and 507 deaths.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said during the MCO from March 18 until March 31, there were 5,498 accidents and 58 deaths, putting the daily accident rate at 392.7.

"In comparison, the daily accident rate showed a sharp increase to 738 accidents daily when the conditional MCO started on May 4.

"Police data showed that from May 5 until May 12, which is a period of eight days, there were 5,904 cases and 68 deaths, or a daily accident rate of 738.

"From May 13 until June 9, which is a period of 29 days, a total of 25,251 accidents were recorded

with 231 deaths, or 870.7 accidents daily," he said in his daily Covid-19 briefing yesterday.

Early statistics for cases treated at government hospitals showed a decrease in trauma cases between 65% and 75% for all states during the MCO compared to before the MCO, he said.

However, the number started to increase by 30% when the conditional MCO started as there were a higher number of road users, said Dr Noor Hisham.

"The increase is very worrying because it is expected to continue to increase following the rising number of vehicles on the road.

"The Health Ministry is concerned with the welfare of the pub-

lic, especially workers who have to travel to their workplace following the reopening of various sectors," he said.

Accidents not only could cause the loss of lives and permanent disabilities, he said, but could also bring negative impact to hospital services.

"With accidents, there will also be an increase in the use of blood supply to treat these cases which commonly see serious injuries that require blood transfusions," he said.

Although blood supply at the national blood bank was adequate now, he encouraged Malaysians to donate blood as it needed a constant flow of supply.

Earlier, Dr Noor Hisham announced only two new Covid-19 cases, which is the lowest figure so far during the MCO.

It is the third day in a row where the number of new cases in a day was of a single digit.

One is an imported case involving a returning Malaysian who was infected abroad. The sole local transmission case involved a non-Malaysian who is a close contact of a case that was detected in Kuching. Another 39 patients have been discharged, which means 7,014 people have recovered and only 1,206 active cases remain.

There was one death, though, of a 61-year-old man who had diabetes and kidney disease.

# Health Ministry pays tribute to deputy director-general

PUTRAJAYA: The Health Ministry paid tribute to deputy director-general (medical) Datuk Dr Rohaizat Yon on his last day of duty after serving the ministry for 35 years.

Just before ending the daily Covid-19 press conference yesterday, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah paid an emotional tribute to his deputy.

"Today (yesterday) is the last day of work for one of my panglima perang (war general) who is retiring. He has been with the team all this while in the battle against Covid-19.

"Many thanks to Dr Rohaizat for his high level of commitment throughout his service for the people of Malaysia," said Dr Noor Hisham, who came close to tears during his brief remarks.

Although the daily Covid-19 press briefing was solely handled by Dr Noor Hisham, Dr Rohaizat was often

by his side, together with several other senior officers.

Speaking to reporters later, Dr Rohaizat said handling Covid-19 was the most challenging task in his career.

"We have not stopped working since the Covid-19 outbreak in December. Even during Hari Raya, despite being allowed some relaxation, we came to work," he said.

He said being able to keep the number of Covid-19 cases under control was a success that everyone in the country should be proud of.

"Every day, without fail, Dr Noor Hisham would remind Malaysians to practise social distancing. Maybe some people have become bored listening to it, but the message has stuck.

"And because Malaysians adhered to the guidelines, we were able to

control Covid-19 in the country.

Dr Rohaizat also thanked the media for its continuous coverage of the ministry's Covid-19 updates.

Born on June 11, 1960, Dr Rohaizat graduated from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1985 and obtained his Master of Health Planning from University of New South Wales in 1991.

He was conferred his Doctorate in Public Health/Health Economics, from UKM in 2007.

In 1985, he began serving in the ministry as a medical officer in Johor and was later appointed the director of Klang Hospital from 1988 to 1990.

He was then moved to the ministry's headquarters from 1990 and held several senior positions before he was made the deputy director-general of health (medical) on March 25, 2019.



Hats-off farewell: Dr Rohaizat giving a speech to mark his 35-year service with the Health Ministry at the daily Covid-19 press conference in Putrajaya. Looking on is Dr Noor Hisham. — Bernama

AKHBAR : THE SUN  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Hospitals face **other threats** as Covid cases ease

► Increase in dengue fever, road accident patients putting resources under strain, says health DG

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR  
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** As the Covid-19 menace abates, other threats are putting pressure on hospitals.

The health authorities are bracing for a new wave of dengue fever, and there has been a sharp increase in road accidents, putting hospital resources under greater stress.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said there were only two new cases of Covid-19 recorded as of noon yesterday – the lowest number per day since the movement control order was enforced on March 18 to curb the spread of infections.

The number of Covid-19 cases stands at 8,338 of which 1,206 are still active and are

being treated. There was also another fatality, bringing the death toll to 118.

The latest casualty was a 61-year-old man who had a history of health problems, such as diabetes and kidney failure. He was also one of thousands who attended the tabligh gathering in Seri Petaling at the end of February that led to hundreds of new infections.

The man, who was being treated at the Sungai Buluh Hospital, died at 7am yesterday.

Of the two new cases, one was imported and the other, a foreigner residing in Kuching.

For the second day in a row, there was no local transmission of Covid-19 among Malaysians.

"The (risk of) local transmission is well under control now thanks to the fact that all Malaysians have been very responsible in adhering to the standard operating procedures," Noor Hisham said at his daily media briefing yesterday.

A total of 39 patients were discharged yesterday, bringing the number of those who have fully recovered to 7,014.

Five patients are still in intensive care, with one requiring ventilator support.

On the down side, a second wave of dengue fever is expected, and there has been

an alarming increase in injuries and fatalities on roads.

Noor Hisham said accident rates had risen by 30% despite the restrictions on travel during the conditional movement control order (CMCO) that ended on Tuesday.

He said the high number of road accidents could cause problems for hospitals.

"We will need to divert more resources to treat injuries sustained in road accidents. More blood will be needed for transfusions while there will be congestion in emergency departments."

Noor Hisham said police statistics showed there were 5,498 road accidents that led to 58 fatalities in the 14 days from March 18 to March 31. That works out to 392 cases per day. The number of accidents rose sharply to 738 per day when the CMCO took effect on May 4.

From May 5 to May 12, there were 5,904 road accidents resulting in 68 deaths, and from May 13 to June 9, there were 25,251, leading to 231 fatalities.

Noor Hisham urged road users to be extra cautious to prevent such tragedies.

"Avoid driving if you are worn out. Road crashes can be avoided if people are more careful and obey traffic rules. Please think of your loved ones."



**EASING RESTRICTIONS ...** Policemen removing a roadblock yesterday at the Gombak toll plaza in Kuala Lumpur after the recovery movement control order came into force.  
 — MASRY CHE ANITHSUN